

248

SOALAN NO. 294

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING  
[KULAI]**

**SOALAN :**

**YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan samada Ahmad Syukri Yusuf yang didakwa di bawah seksyen 375 Kanun Keseksakan telah dijatuh hukum.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 25 Julai 2016 Mahkamah Sesyen Kuching telah memutuskan untuk melepaskan tanpa membebaskan Ahmad Syukri bin Yusof yang didakwa di bawah seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Walau bagaimanapun, pada 5 Ogos 2016 Mahkamah Tinggi Kuching telah mengarahkan agar kes tersebut disebut semula di Mahkamah Sesyen Kuching setelah membenarkan rayuan yang dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Ahmad Syukri bin Yusof ("Tertuduh") mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan. Perbicaraan telah dijalankan dan selesai pada 8 September 2017. Lima orang saksi pihak pendakwaan telah dipanggil memberikan keterangan masing-masing. Di akhir kes pendakwaan, Mahkamah Sesyen Kuching mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* ke atas Tertuduh. Oleh yang demikian, Tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan pada 28 September 2017.

Pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut di Mahkamah Tinggi Kuching pada 28 September 2017. Nombor kes rayuan adalah KCH-42S-43/9-2017. Mahkamah telah menetapkan 3 Januari 2018 untuk pendengaran rayuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

250

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**SOALAN : 295**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik menyeluruh Pelabuhan Johor di Pasir Gudang termasuk ship call, cargo throughput dalam TEUs dan Tonnes, destinasi dari tahun 2000 hingga 2017, terutamanya berkaitan dengan pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak.

## JAWAPAN

Statistik bagi pengendalian kargo (FWT), kontena (TEU) dan jumlah singgahan kapal bermula pada tahun 2000 sehingga 2017 bagi Pelabuhan Pasir Gudang adalah seperti di **Jadual 1** manakala statistik bilangan kapal di Pelabuhan Pasir Gudang yang membuat '*next port of call*' ke Sabah dan Sarawak bagi tempoh 2008 sehingga 2016 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 1: Statistik Kargo (FWT), Kontena (TEU) dan Singgahan Kapal di Pelabuhan Pasir Gudang**

| Tahun             | Kargo (FWT) | Kontena (TEU) | Singgahan Kapal |
|-------------------|-------------|---------------|-----------------|
| 2000              | 24,536,070  | 659,181       | 6,485           |
| 2001              | 25,768,871  | 638,718       | 6,242           |
| 2002              | 25,924,568  | 683,816       | 6,631           |
| 2003              | 26,763,791  | 750,466       | 6,877           |
| 2004              | 28,280,421  | 805,689       | 6,526           |
| 2005              | 28,091,872  | 836,754       | 6,438           |
| 2006              | 26,893,843  | 880,611       | 6,337           |
| 2007              | 25,312,782  | 927,288       | 6,005           |
| 2008              | 27,567,343  | 934,767       | 5,823           |
| 2009              | 23,908,828  | 844,856       | 5,121           |
| 2010              | 25,611,445  | 876,268       | 4,880           |
| 2011              | 26,258,596  | 830,700       | 4,899           |
| 2012              | 22,897,330  | 801,058       | 4,252           |
| 2013              | 26,979,880  | 757,023       | 4,133           |
| 2014              | 27,303,731  | 792,501       | 3,964           |
| 2015              | 28,655,944  | 800,524       | 3,984           |
| 2016              | 28,122,405  | 827,013       | 4,044           |
| 2017              | *21,001,786 | *660,321      | *2,938          |
| *sehingga Sept 17 |             |               |                 |

252

**Jadual 2: Statistik bilangan kapal di Pelabuhan Pasir Gudang yang membuat 'next port of call' ke Sabah dan Sarawak**

| Tahun | PELABUHAN<br><i>Ports</i> | PERSISIRAN<br><i>Coastal</i> |   |   |                                    |                                | JUMLAH<br><i>Total</i> |
|-------|---------------------------|------------------------------|---|---|------------------------------------|--------------------------------|------------------------|
|       |                           | KONTENA<br><i>Container</i>  | KARGO<br>AM<br><i>General<br/>Cargo</i> | TANKER<br>CECAIR<br><i>Liquid<br/>Tankers</i> | PUKAL<br>KERING<br><i>Dry Bulk</i> | LAIN-<br>LAIN<br><i>Others</i> |                        |
| 2008  | JOHOR                     | 465                          | 119                                     | 12  | 5                                  | -                              | 601                    |
| 2009  | JOHOR                     | 578                          | 57                                      | -   | -                                  | -                              | 635                    |
| 2010  | JOHOR                     | 528                          | 96                                      | 26  | 3                                  | -                              | 653                    |
| 2011  | JOHOR                     | 296                          | 62                                      | -   | -                                  | -                              | 358                    |
| 2012  | JOHOR                     | 426                          | 1                                       | -   | -                                  | -                              | 427                    |
| 2013  | JOHOR                     | 497                          | 7                                       | -   | -                                  | -                              | 504                    |
| 2014  | JOHOR                     | 503                          | -                                       | -   | -                                  | -                              | 503                    |
| 2015  | JOHOR                     | 434                          | -                                       | -   | -                                  | -                              | 434                    |
| 2016  | JOHOR                     | 441                          | -                                       | -   | -                                  | -                              | 441                    |
|       | JUMLAH<br><i>Total</i>    | 4,168                        | 342                                     | 38  | 8                                  | -                              | 4,556                  |

**SOALAN (296)****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING  
[KULAI]**

**SOALAN :**

**YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penduduk Sabah dan Sarawak yang menetap di Johor, terutamanya di kawasan Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai dan Tebrau.

254

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, jumlah penduduk Sabah dan Sarawak yang menetap di Johor adalah 39.5 ribu orang.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017